

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Nasional**

(Page: 16)

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **21 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **T-Best taja hadiah Piala Monsun**



JADI REBUTAN: Wan Hisham (kiri) menyerahkan replika cek RM60,000 kepada Kamal pada majlis penyampaian penajaan di Heritage Bay Club Marina & Resort, Kuala Terengganu, semalam.

T-Best taja hadiah Piala Monsun

KUALA TERENGGANU: T-Best Events (T-Best) menyerahkan penajaan hadiah keseluruhan bernilai RM60,000 bagi menjayakan pertandingan memancing sempena Piala Monsun 2007 dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian pada 1 Disember ini di Teluk Warisan Pulau Duyong, di sini.

Cek disampaikan Pengerusi T-Best yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi negeri, Datuk Wan Hisham Wan Salleh kepada Pengarang Joran/Projek Khas, Kamal Ahmad.

Wan Hisham berkata, pertandingan itu mensasarkan penyertaan lebih 2,000 kaki pancing di seluruh negara. "Elemen menarik seperti pelbagai

acara selama enam hari dalam Festival Warisan Duyong dan pertandingan memancing terus memperkukuhkan Terengganu sebagai lokasi pertandingan terbaik.

"Program rakyat seperti ini tidak dianjurkan di lokasi lain dalam siri World Macth Racing Tour (WMRT) 2007. Inilah antara elemen yang pasti mampu mengekalkan kedudukan sebagai penganjur terbaik sejak 2005.

"Malah Pulau Duyong sebagai lokasi siri terakhir WMRT pasti menjadi tumpuan kerana di sini akan ditentukan siapa bakal menjuarai siri 2007," katanya selepas penyampaian penajaan itu di Heritage Bay Club Marina & Resort, di sini semalam.

Beliau berkata, minat orang ramai untuk menyertai kemeriahan Piala

Monsun 2007, selain musim cuti sekolah dan ketiadaan pertandingan memancing lain adalah faktor yang turut meningkatkan jumlah penyertaan kali ini.

Katanya, juara pertandingan akan membawa pulang RM30,000, RM15,000 (kedua) dan RM5,000 (ketiga). Pemenang keempat hingga kelapan menerima RM500, kesembilan hingga ke-18 RM300, ke-19 hingga ke-28 RM200, ke-29 hingga ke-38 RM150 manakala RM100 bagi pemenang ke-39 hingga ke-44.

Sementara itu, Kamal berkata, borang dan pendaftaran boleh dilakukan di Pejabat Cawangan Berita Harian di Jalan Pejabat di sini atau menghubungi talian 09-6226366 atau Unit Joran 03-22622323 sambungan 4240/4241/4242.